

KOMUNIKASI BUKAN LISAN: ALAMAT *KEDUTAN* (DENYUTAN) BERDASARKAN *MUJARROBAT*

YUSMILAYATI YUNOS

Universiti Kebangsaan Malaysia
yusmila@ukm.edu.my

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH

Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

MUHD NORIZAM JAMIAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
norizam@ukm.edu.my

ZUBIR IDRIS

Universiti Kebangsaan Malaysia
zidris@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kedutan (denyutan) adalah fenomena tubuh yang cukup unik, iaitu berlaku pergerakan tubuh atau tubuh bergerak-gerak sendiri tanpa ada sebab yang jelas. *Kedutan* (denyutan) dialami di bahagian tubuh manusia, misalnya *kedutan* (denyutan) di mata kiri, *kedutan* (denyutan) mata kanan atau *kedutan* (denyutan) kelopak mata atas. Masyarakat Jawa mempercayai *kedutan* (denyutan) memberi petanda dan alamat kepada sesuatu peristiwa yang bakal berlaku. Peristiwa itu boleh jadi peristiwa baik atau peristiwa kurang baik. Biasanya alamat (*ngalamat*) sedemikian dibincangkan dalam *Primbon* Jawa. *Kedutan* (denyutan) dapat memberi tanda atau petunjuk dari aspek komunikasi bukan lisan. Maknanya tanpa diberitahu secara lisan sesuatu perkara yang akan terjadi boleh diketahui hanya melalui isyarat denyutan yang berlaku pada anggota tubuh badan. Penulisan ini bertujuan menjelaskan alamat *kedutan* (denyutan) di bahagian tubuh badan manusia berdasarkan *Mujarrobat*. Kaedah analisis tekstual digunakan dalam penulisan ini. Seterusnya temu bual terarah dilakukan bersama responden berketurunan Jawa yang masih mempercayai amalan ini. Pendekatan Firasat dalam Teori Perkaedahan Melayu digunakan bagi melihat amalan berkaitan alamat sesuatu kejadian atau peristiwa dijelaskan. Dapatkan kajian menunjukkan *kedutan* (denyutan) di badan boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu di bahagian kepala, muka dan leher, badan, tangan dan kaki. *Kedutan* (denyutan) tersebut dapat menggambarkan peristiwa berkenaan kehidupan, rezeki, harta, pekerjaan dan kesihatan seseorang. Kepercayaan sedemikian masih dipercayai oleh masyarakat Jawa dan terdapat dalam kalangan masyarakat Jawa yang menjadikan amalan ini sebagai satu cara mereka berhati-hati dalam menghadapi sebarang kemungkinan baik dan kurang baik. Suatu hal yang istimewa menunjukkan makna *kedutan* (denyutan) ini diadaptasi sesuai dengan nilai dan norma masyarakat setempat.

Kata kunci: alamat (*ngalamat*); *kedutan* (denyutan); *Mujarrobat*; Pendekatan Firasat; *Primbon*

NON-COMMUNICATION: TWITCHING AS A BASIC PROGNOSIS IN THE BOOK OF MUJARROBAT

ABSTRACT

Twitching is a unique phenomenon of the body, ie the movement of the body or body moves unconsciously without any apparent reason, for example, twitching in the left and right eye and twitching on the upper eyelids. The Javanese people believe that twitching gives a hint or some kind of premonition to an incident that will or about to happen; regardless whether it is a good or a bad one. Usually the prognosis was also discussed in the book of *Primbom Java*. It is believed that, twitching may indicate a non-verbal communication aspect that something will happen by only getting a sudden pulse that could be found anywhere on the body parts. The study is intended to explain the ways in which how the belief functions and its application to those who believe in it through the book of *Mujarrobat*, an ancient manuscript that explains the details of many traditional practices in Java, which are still prevalent to these days. For the purpose of this study, the main method of textual analysis will be applied and series of interviews will be conducted on the focused group of people who are still believed in this practice. An approach to the aspect of 'firasat' or premonition in Malay Methodology Theory is used to analyse further on the twitching belief. The findings have shown that twitching on the body can be categorized into four major parts: head, face and neck, body, hands and feet. Twitching can describe an incident that would relate to one's life, such as wealth, property, occupation and health. Such beliefs are still adhered by the Javanese community, that some of them truly being vigilant of the premonitions especially in making decisions in their daily life. The significant of this practice is that it able to adapt and thus suit the life of local people, generally.

Keywords: address (address); twitching; *Mujarrobat*; Approach of Inconsistency; *Primbom*

PENGENALAN

Kedutan (denyutan) pada tubuh manusia adalah hal yang lazim dialami. *Kedutan* (denyutan) menggambarkan pergerakan otot tidak terkawal yang menyebabkan pergerakan pada bahagian saraf di bahagian tubuh tertentu sehingga menyebabkan bagian tubuh tersebut bergerak sendiri tanpa dikehendaki. Biasanya *kedutan* (denyutan) terjadi hanya beberapa kali dalam sehari, dan umumnya tidak terlalu lama. Adakalanya *kedutan* (denyutan) berlaku hanya beberapa saat atau beberapa minit. Dan biasanya akan hilang dengan sendirinya. Namun, sekiranya *kedutan* (denyutan) terjadi secara terus menerus dan berulang-ulang hingga beberapa hari, berkemungkinan terdapat masalah atau gangguan pada sistem saraf badan manusia. Menurut *primbom* Jawa, *kedutan* adalah suatu bentuk "komunikasi" tubuh, untuk memberitahu kepada pemilik tubuh, bahawa akan ada "sesuatu" dan biasanya sesuatu yang akan terjadi dalam waktu dekat. *Kedutan* (denyutan) merupakan firusat tentang sesuatu yang akan terjadi dan dikaitkan dengan perkara yang tidak disangka bakal terjadi. Kejadian yang bakal terjadi boleh jadi perkara yang baik atau perkara kurang baik. *Kedutan* (denyutan) merupakan salah satu bentuk ilmu firusat yang tergambar melalui bentuk komunikasi bukan lisan iaitu proses komunikasi melalui

menghantar dan menerima maklumat tanpa perkataan (kebanyakannya menggunakan isyarat visual) yang berlaku kepada manusia.

Bagi masyarakat Jawa, setiap *kedutan* (denyutan) yang berlaku mempunyai alamat atau petanda yang membuatkan manusia sentiasa berwaspada dan bersedia dengan pelbagai kemungkinan yang tidak dapat dijangka. Kepercayaan ini dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Jawa kerana mereka amat menitik beratkan konsep *eling lan waspada* (ingat dan waspada) dan *sabar lan nrima* (sabar dan menerima). Beringat dan waspada ini merujuk kepada cara bertindak dalam kehidupan seharian. Dalam apa jua keadaan manusia perlu beringat bahawa diri mereka sendiri sebagai subjek utama yang berhubung dengan manusia, alam dan Tuhan. Melalui *eling* mereka akan sentiasa berwaspada menjaga batasan dalam setiap hubungan tersebut supaya ianya tidak menyakiti antara satu sama lain. Keadaan ini bermakna dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang diberi petunjuk melalui *kedutan* (denyutan) masyarakat Jawa berusaha menerimanya dengan sabar kerana menganggap peristiwa baik atau buruk itu sebagai ujian hidup. Sifat begini sesuai dengan ungkapan yang pernah diberikan oleh Pujangga Agung Jawa Ranggawarsita iaitu ‘*Begja-begjane wong sing lali, luwih begja wong sing eling lan waspada*’ yang bermaksud sebahagia-bahagianya orang yang lupa, lebih bahagia orang yang beringat dan berwaspada. *Kedutan* (denyutan) juga boleh dianggap sebagai satu peringatan kepada orang Jawa supaya berhati-hati dalam bertindak dan bertingkah laku. Justeru, dalam budaya Jawa terdapat empat sikap yang harus dipunyai secara wajar iaitu, *sabar, pasrah, nrima dan rela* (Noriah Mohamed & Yusmilayati Yunos, 2009).

Sekiranya dikaitkan dengan *kedutan* (denyutan), alamat yang diberikan berdasarkan *Mujarrobah* menunjukkan dua bentuk alamat iaitu alamat baik dan buruk. Walaupun alamat ini tidak dinyatakan secara jelas namun alamat ini menjadi satu bentuk komunikasi bukan lisan yang menghubungkan manusia dengan kejadian yang bakal berlaku. Untuk berdepan dengan kedua-dua alamat ini empat sikap di atas menjadi pegangan masyarakat Jawa. Antara empat sikap yang dinyatakan elemen kesabaran amat diperlukan kerana dengan rasa penuh kesabaran sahaja sesuatu perkara dapat diselesaikan dengan baik. Seterusnya *nrima* (menerima) merujuk kepada rela menerima sesuatu hasil sama ada positif atau negatif setelah berusaha dan berikhtiar. Satu ungkapan yang lumrah didengar ialah ‘yang baik itu dari Allah dan yang buruk itu datang dari manusia sendiri’. Terkadang tanpa disedari manusia tersasar atau tergelincir dari landasan kehidupan, namun melalui ilmu pengetahuan yang menjadi batas kehidupan, manusia cuba menjaga keselarasan dan keseimbangan dirinya dan menerima ketentuan Tuhan dengan redha/rela (Noriah Mohamed & Yusmilayati Yunos, 2009). Begitulah hubungan yang dapat dilihat antara kepercayaan masyarakat Jawa dengan ilmu firasat yang memberi alamat atau petanda buruk baik dalam kehidupan. Setiap kejadian itu perlu diterima secara positif agar kelangsungan hidup dapat diteruskan secara sejahtera.

Roger Tol (2014: 104) menyatakan di Jawa, teks firasat biasanya adalah sebahagian daripada kumpulan teks mistik yang sehingga kini sangat digemari dan dinamakan *primbon*. Beliau menjelaskan:

Teks-teks yang mengandungi ilmu firasat biasanya ditemui dalam genre karangan yang di Jawa terkenal dengan nama *primbon*. Ilmu firasat menghuraikan hubungan antara tanda-tanda atau ciri-ciri di badan, terutamanya di muka, dengan maknanya untuk realiti kehidupan masa kini dan masa depan, sedangkan *primbon* boleh digambarkan sebagai kumpulan tulisan mistik dengan isi yang sangat beraneka ragam. Pada umumnya suatu

primbon mengandungi maklumat tentang ajaran Islam heterodoks, hari-hari baik dan buruk, kalender magik pengetahuan medik dan seksual, disertai bermacam-macam ramalan dan firasat. Boleh dikatakan suatu *primbon* bersifat almanak atau kompendium pengetahuan lokal.

Berdasarkan petikan berkenaan, almanak (bahasa Inggeris: *almanac*) ialah sebuah terbitan tahunan berbentuk informasi mengenai bidang-bidang tertentu, dan selalunya disusun mengikut turutan takwim. Pelbagai statistik dan data dimasukkan ke dalam sebuah almanak, seperti laporan cuaca, tarikh gerhana, perayaan dan sebagainya. Perkataan "almanak" berasal daripada perkataan Arab iaitu, *al-manākh* (المناخ) (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Almanak>), manakala kompendium pula bermakna ikhtisar karangan ilmiah yang lengkap dan padat (<http://kbbi.web.id/kompendium>). Jika ditelitikan isi yang terkandung dalam *primbon* lebih kurang sama dengan isi yang dinyatakan dalam *Mujarrobat*. Secara umum kandungan kitab *Mujarrobat* terbahagi kepada empat bahagian iaitu pengetahuan yang berkaitan ilmu fekah, ilmu tauhid, ilmu firasat (*tafsir*) dan ilmu perhitungan (*petungan*). Kitab *Mujarrobat* juga memuatkan ilmu pengubatan (*tib*) dengan kaedah rawatan melalui doa, rajah (*wafak/wifik*), rumbuh-tumbuhan dan juga haiwan. Namun penulisan makalah ini khusus menjelaskan makna *kedutan* (denyutan) yang terjadi pada tubuh manusia.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini bertujuan mengenalpasti bahagian badan yang mengalami *kedutan* (denyutan). Seterusnya memberi makna terhadap *kedutan* (denyutan) yang menjadi alamat atau petanda sesuatu kejadian atau peristiwa yang bakal berlaku.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual terhadap kitab *Mujarrobat* versi Jawa bertulisan Pegon (tulisan Jawi dan berbahasa Jawa). Peringkat pertama dilakukan proses transliterasi teks daripada tulisan Jawi ke tulisan rumi. Peringkat kedua, selepas dirumikan teks diterjemahkan ke bahasa Melayu bagi tujuan memudahkan proses pembacaan dan menganalisis teks. Seterusnya isi kandungan teks dibahagikan mengikut topik dan bagi tujuan penulisan ini hanya isi yang berkaitan dengan *kedutan* (denyutan) sahaja akan dibincangkan. Selanjutnya kaedah temu bual bersama responden berketurunan Jawa dilakukan bertujuan melihat kepercayaan berkenaan *kedutan* (denyutan) yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat berketurunan Jawa kini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian makalah ini akan dibincangkan kepada tiga topik utama iaitu merangkumi beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap kitab *Mujarrobat*, pendekatan firasat dan ilmu firasat yang digunakan dalam menganalisis makalah ini serta *kedutan* (denyutan) dan makna berdasarkan *Mujarrobat*.

KAJIAN BERKAIT KITAB MUJARROBAT

Kitab *Mujarrobat* ini ditulis dengan menggunakan bahasa Jawa dengan aksara pegan. Secara umum kandungan kitab ini terbahagi menjadi empat bahagian yang berbeza. Bahagian pertama, berisi tentang ajaran ilmu *fiqh*. Bahagian kedua berisi tentang ajaran *ketauhidan*. Bahagian ketiga berisi tentang ilmu ramalan berdasarkan fenomena alam, mimpi, mahupun keadaan fizik ataupun psikologi manusia. Bahagian ke empat berisi ilmu *petungan*, atau ilmu perhitungan hari berdasarkan *neptu*. Pada bahagian ini juga terdapat beberapa bahagian yang menerangkan tentang pengubatan (*tib*) melalui doa-doa dan azimat berupa *wifik* mahupun rajah.

Sehubungan dengan penelitian filologi terhadap kitab *Mujarrobat*, sehingga terdapat beberapa penelitian yang menggunakan kitab ini, diantaranya, tesis Abdul Ghofur dari Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga (2009) dengan judul ‘Al Qur'an dan Budaya Magi’ (Studi Antropologis Komunitas Keraton Yogyakarta dalam Memaknai al-Qur'an dengan Budaya Magi). Dalam penelitian tersebut Abdul Ghofur menggunakan sebahagian daripada isi kitab *Mujarrobat* hanya sebagai data pendukung penelitian, bukan sebagai objek material.

Selanjutnya Yusmilayati Yunos (2011) telah menjalankan penelitian untuk tesis Doktor Falsafahnya terhadap kitab *Mujarrobat* dengan membuat perbandingan dengan *Mujarrobat Melayu*. Perbandingan dibuat berdasarkan isi kandungan kedua-dua kitab dengan melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua buah kitab. Seterusnya tulisan Danang Susena (2013) berjudul ‘Pengobatan Tradisional dalam Naskah-Naskah Minangkabau’ telah diterbitkan dalam *Wacana Etnik, Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas*. Artikel tersebut menganalisis *Mujarrobat* dari sisi Etnomedisin atau pengubatan tradisional. Selain itu, tulisan Harun Mat Piah (2014) yang berjudul ‘Ilmu Perkasihan (Seksologi) Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Awal’ yang dibentangkan dalam seminar Persidangan Antarbangsa Manusrip Melayu: Memartabatkan Melayu di Persada Dunia menjelaskan naskah *Mujarrobat* dianalisis berdasarkan pendekatan seksologi.

Penelitian terkini pula dilakukan oleh Umi Ibroh (2017) daripada Universitas Diponegoro Semarang dengan judul ‘Fungsi Teks *Mujarrobat* dalam Masyarakat Desa Pesarean’ menunjukkan bahawa fungsi teks *Mujarrobat* dalam masyarakat Desa Pesarean dikelompokan menjadi tiga, iaitu: (1) Amalan Doa, masyarakat menggunakan isi teks *Mujarrobat* sebagai pedoman dalam mengamalkan doa-doa tertentu untuk tujuan tertentu, doa yang diamalkan disertakan dengan amalan-amalan khusus; (2) Ramalan atau prediksi, masyarakat menggunakan isi teks *Mujarrobat* sebagai pedoman untuk meramalan peristiwa mendatang berdasarkan ilmu perhitungan, keadaan fizik dan kejadian alam; (3) Azimat, dalam teks *Mujarrobat* terdapat beberapa bahagian yang digunakan sebagai azimat atau jimat oleh masyarakat desa Pesarean. Misalnya mereka menggunakan *wifik* (simbol-simbol dalam huruf Arab atau kata-kata dalam bahasa Arab dengan pola tertentu) dan rajah (simbol yang tidak memiliki pola) dalam kehidupan seharian. Umi Ibroh telah menggunakan pendekatan resepsi bagi menganalisis kitab *Mujarrobat*.

PENDEKATAN FIRASAT DAN ILMU FIRASAT

Teori Pengkaedahan Melayu diperkenalkan oleh Hashim Awang bertujuan memahami fenomena budaya, pemikiran, cara hidup, sikap dan pandangan orang Melayu Islam berdasarkan

nilai-nilai `tempatan` Melayu dan Islam. Hashim Awang (2002) menawarkan dua pengkaedahan iaitu, pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan agama. Dalam pengkaedahan alamiah misalnya, pengkritik boleh menggunakan kaedah gunaan, firasat dan moral. Berasaskan pengkaedahan agama pula dapat dimanfaatkan pendekatan dakwah, seni dan kemasyarakatan. Hashim Awang percaya bahawa produk kesusasteraan (karya) mengandungi himpunan pengalaman hidup manusia Melayu Islam yang sangat tinggi nilainya, dan pengalaman ini mencerminkan suatu ruang yang luas tentang segala aspek dan pandangan (worldview) Melayu Islam itu sendiri. Dengan berpandukan kitab *Tajulmuluk*, Hashim merumuskan signifikasi *worldview* Melayu Islam berligar kepada enam perkara iaitu cakerawala, firasat, kesihatan manusia, mimpi dan gerak laku manusia dan perumahan. Dalam pengertian umum, firasat membawa maksud ramalan. Ramalan dalam konteks teori ini tidak setakat ramalan tetapi ramalan yang mendokong makna-makna khusus sehingga memberi suatu gambaran yang benar-benar mencerminkan *worldview* Melayu Islam itu sendiri. Namun begitu, kepercayaan terhadap *kedutan* (denyutan) ini telah menjadi amalan masyarakat Jawa sejak dahulu lagi. Hanya kini golongan tua sahaja yang masih mengamalkannya.

Pendekatan Firasat berlandaskan kepada tanggapan bahawa sastera adalah satu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Mengikut Hashim Awang (1989: 63) kejadian itu dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk ditemukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai takbir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu. Hashim Awang mencirikan Pendekatan Firasat seperti berikut:

- i. Sastera perlu dilihat sebagai memiliki sifat-sifat zahir dan batin atau yang sering disebut sebagai yang tersurat dan yang tersirat. Sifat zahir menjadi PENANDA, atau dalam masyarakat Melayu diistilah sebagai ALAMAT, untuk mendapatkan makna yang tersirat atau PENANDA.
- ii. Sastera dianggap sebagai wacana berlapis atau berkias yang memerlukan kerja-kerja penafsiran untuk menentukan makna atau isi dan tujuan sebenar yang mahu disampaikan oleh pengarang.
- iii. Dalam sastera terkandung makna atau isi yang tersembunyi; makna atau sisinya perlu dianalisis serta ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat luarannya atau melalui sistem tanda dan lambang yang ternukil.
- iv. Sastera dalam koneksi ini juga harus dilihat dan dikaji sebagai pembentukan wacana yang berperlambangan.

Pendekatan Firasat dalam bidang sastera ialah satu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup yang penuh misteri dan dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai bermakna kepada kehidupan. Pengertian makna tersebut seperti mentafsir makna mimpi, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Kajian yang menggunakan Pendekatan Firasat telah dibincangkan oleh Noraini Abdul Shukor

dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) dengan melihat ‘Padi Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu’. Mereka menjelaskan maksud tersurat dan maksud tersirat yang dapat dilihat melalui objek padi dalam peribahasa Melayu. Menurut mereka lagi, apabila berbicara tentang maksud yang tersurat (struktur luaran) dan maksud yang tersirat (struktur dalaman), antara konsep-konsep lain yang melingkunginya termasuklah unsur metafora, unsur kiasan, tanda, unsur lambang dan unsur simbol. Hassan Ahmad (Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2016) misalnya melihat bahawa metafora bukan sekadar perhiasan bahasa atau bunga-bunga bahasa, atau penyelewengan daripada bahasa harfiah, tetapi mempunyai fungsi kognitif, iaitu untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa, atau makna yang bersifat abstrak atau konseptual, bukan untuk bermain-main dengan kata-kata, tanpa melahirkan apa-apa konsep.

Metafora ditakrifkan sebagai kiasan yang membandingkan secara tersirat dua objek yang berlainan melalui daya imaginasi sehingga melahirkan konotasi yang segar dan baharu. Penggunaan metafora merupakan tanda kepada sesuatu keadaan yang lain. Dalam kajian ini, melalui pendekatan firasat, unsur-unsur alam merupakan sesuatu yang memberikan pengalaman kepada manusia yang melalui proses kehidupan bersama-sama alam. Apa yang dialami oleh mereka dalam alam kehidupan menjadi pengalaman hidup mereka dan mengungkapkannya dalam bentuk metafora. Ungkapan yang lahir tersebut hadir dalam pelbagai bentuk pengucapan dan antaranya ialah peribahasa Melayu. Hal inilah yang dimaksudkan oleh Hashim Awang sebagai Pendekatan Firasat yang menyingkapkan dan membariskan pengalaman (Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2016). Justeru penulisan makalah ini akan menggunakan Pendekatan Firasat yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana *kedutan* (denyutan) dalam *Mujarrobat* termasuk dalam kategori ilmu firasat. Kitab *Mujarrobat* terdiri daripada lima bahagian ilmu iaitu ilmu berkait fiqh, ilmu ketauhidan, ilmu ramalan, ilmu perhitungan dan ilmu pengubatan. Namun begitu, terdapat dua bahagian dalam kitab *Mujarrobat* yang menjelaskan tentang bidang sastera sains dan teknologi tradisional (Harun Mat Piah, 2015) iaitu bahagian ilmu ramalan berdasarkan fenomena alam, mimpi, mahupun keadaan fizik ataupun psikologi manusia, dan satu lagi bahagian yang menjelaskan tentang *petungan*, atau ilmu perhitungan hari berdasarkan *neptu*. *Kedutan* (denyutan) termasuk dalam bahagian ilmu ramalan.

Al-Attas mendefinisikan firasat sebagai ilmu menganalisis sifat-sifat manusia dengan cara melihat muka, tubuh badan dan suara. Firasat juga diterangkan sebagai ramalan tentang seseorang berpandukan panduan yang dinyatakan dalam al-Quran dan berdasarkan ramalan baik buruk seseorang (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014). Selain itu, membuat firasat merupakan suatu perbuatan yang berbeza dan senang disalahertikan sebagai membuat tilikan atau tengok nasib untuk melihat masa hadapan yang nyata ditegah dalam Islam. Sebenarnya membuat firasat lebih bersifat mengkaji, meneliti dan menganalisis fizikal manusia seperti wajah dan air muka untuk mendapatkan maklumat tentang diri seseorang tanpa perlu bersoal jawab (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014). Makna firasat tersebut sama seperti yang diberikan oleh Rahman Shaari (2001) iaitu pengetahuan tentang tanda pada tubuh badan untuk mengetahui nasib atau kelakuan seseorang dan keadaan lahiriah yang dianggap mempunyai hubungan dengan tabiat dan kelebihan seseorang.

Ilmu firasat menjadi suatu amalan yang penting dalam masyarakat dahulu. Ilmu ini menjadi panduan dalam menjalani urusan harian, memandangkan kepentingannya sebagai satu cara untuk meramal sesuatu perkara yang akan berlaku pada masa akan datang dan juga pada sekitar waktu tertentu, terutamanya dalam meramal keadaan cuaca, tarikh kelahiran dan hal mendirikan rumah. Ramalan ini dilihat berdasarkan perubahan alam, simbol haiwan tertentu, mimpi dan perlakuan seseorang. Kaedah ini merupakan panduan atau peringatan sebelum berlakunya perkara yang tidak baik (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014). Oleh itu, faktor yang menjadi panduan kepada ilmu firasat adalah penting kerana pada ketika itu belum wujud teknologi yang boleh melihat ramalan secara mudah akibat kekurangan kemudahan, pendidikan dan peralatan.

Golongan yang berpengetahuan dalam ilmu firasat juga dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Penghormatan ini diberi darjat kebesaran dan tempat dalam pemerintahan keajaan sebagai ahli nujum diraja. Gambaran sedemikian dapat dilihat dalam cerita rakyat *Nujum Pak Belalang*. Kebetulan-kebetulan yang diramal oleh Pak Belalang akhirnya telah menyebabkan dia dilantik oleh Sultan sebagai ahli nujum diraja. Gambaran ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu firasat dalam kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Pengetahuan ilmu firasat dipercayai milik seseorang yang benar-benar mempunyai kepandaian, deria rasa dan pengetahuan yang tinggi. Mereka disimbolkan sebagai memiliki daya pemikiran melalui gerak hati daripada pemerhatian yang tajam. Mereka kemudian meluahkan ilmu itu dalam bentuk penulisan (Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim, 2014).

Sehubungan itu, Harun Mat Piah (2015) mengkelaskan ilmu firasat termasuk dalam bidang sastera sains dan teknologi tradisional. Bidang ini menerapkan ilmu bahasa, ilmu hisab, ilmu bintang, ramalan dan penujuman (termasuk raksi dan ta'bir mimpi), ilmu firasat, ilmu pertukangan dan kesenian, ilmu perubatan dan ilmu berahi (seksologi, erotik). Beliau menjelaskan Ilmu Ramalan dan Penujuman terbahagi kepada enam jenis iaitu:

- (a) Ramalan Rejang
- (b) Ramalan bintang (ilmu bintang, ilmu nujum).
- (c) Ramalan melalui firasat (ilmu firasat)
- (d) Ramalan melalui mimpi (ta'bir mimpi)
- (e) Ramalan melalui raksi (ilmu raksi, laksana atau raksi jodoh).
- (f) Ramalan melalui padah atau *katuringga*.

Berhubung dengan hal tersebut, A. Samad Ahmad menerangkan ilmu ramalan yang diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah seperti berikut:

Maka pada suatu malam Bendahara turun hendak sembahyang subuh, maka dilihat oleh Bendahara betul pada kepala Tun Mutahir bercahaya menerus ke langit. Maka di hampiri oleh Bendahara, dilihatnya Tun Mutahir. Maka dengan sekejap juga cahaya itu pun padamlah. Maka kata bendahara akan Tun Mutakhir, “Budak ini kelak menjadi orang Besar-besar. Daripada hamba pun lebih kebesarannya, tetapi tiada kekal”

(A. Samad Ahmad, 2010: 146)

Petikan di atas menerangkan ilmu ramalan berhubung dengan rezeki seperti untung, tuah mahu pun sial telah diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Ramalan tersebut hanya boleh dilakukan oleh orang terpilih yang berkebolehan untuk meramal atau pun menuju-


sesuatu benda di hadapan melalui kekuatan ilmu firasat yang dimiliki. Jika diteliti, ilmu ramalan yang berkaitan dengan masa depan seseorang telah pun diramalkan oleh Bendahara Paduka Raja (Tun Perak). Beliau menggunakan ilmu firasat untuk meramal nasib baik atau pun buruk Tun Mutahir dengan meramalkannya sewaktu beliau masih lagi kecil. Firasat Tun Perak mendapati bahawa apabila Tun Mutahir dewasa kelak, beliau akan menjadi orang kaya dan akan memegang jawatan besar dalam pentadbiran kerajaan Melaka dan firasat Tun Perak adalah tepat. Hal ini demikian kerana pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah, Tun Mutahir telah pun dilantik sebagai bendahara Seri Maharaja di Melaka. Pada zaman tersebut, Tun Mutahir telah pun memegang jawatan sebagai bendahara yang kaya dalam kerajaan Melaka. Namun begitu, Tun Mutahir dikatakan hanya dapat memegang jawatan dalam pentadbiran buat sementara sahaja dan tidak kekal lama dalam pentadbiran kerajaan Melaka.

Selain itu, ilmu ramalan juga digunakan dalam menikam nombor ekor. Misalnya untuk menuju nombor ekor seorang bomoh yang pakar dalam bidang ini amat diperlukan. Bomoh merupakan orang yang mempunyai kebijaksanaan dalam meramal atau pun menuju nombor yang diingini khususnya nombor yang bakal menang dalam pertaruhan. Proses menuju nombor ekor melibatkan perantaraan bomoh dengan alam ghaib. Semasa proses ini dijalankan terdapat satu upacara yang akan dilakukan oleh bomoh dan pengamal nombor ekor perlu mematuhi syarat dan pantang larang yang dikenakan oleh bomoh. Jika diperhatikan setiap bomoh mempunyai cara yang berbeza dalam meramal empat nombor ekor khususnya dari segi bahan atau kaedah yang digunakan mengikut kepakaran ilmu bomoh masing-masing (Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos, 2013:114). Penulisan ini akan membincangkan ilmu ramalan berkaitan firasat yang terdapat dalam kitab *Mujarrobat*.

KEDUTAN (DENYUTAN) DAN MAKNA BERDASARKAN MUJARROBAT

Di daerah Jawa misalnya, teks firasat merupakan sebahagian daripada kumpulan mistik yang sehingga kini sangat digemari dan dinamakan *primbon* (Roger Tol, 2014). Teks-teks yang mengandungi ilmu firasat biasanya ditemui dalam genre karangan yang dibawa terkenal dengan nama *primbon*. Ilmu firasat menghuraikan hubungan antara tanda-tanda atau ciri-ciri di badan, terutamanya dimuka, dengan maknanya untuk realiti kehidupan masa kini dan masa depan, sedangkan *primbon* boleh digambarkan sebagai kumpulan tulisan mistik dengan isi yang sangat beaneka ragam. Pada umumnya suatu *primbon* mengandungi maklumat tentang ajaran Islam heterodoks, hari-hari yang baik dan buruk, kalender magik, pengetahuan medik dan sekual, disertai bermacam-macam ramalan dan firasat (Roger Tol, 2014: 104).

Berbanding dengan *Mujarrobat*, hal berkaitan ilmu firasat dapat dilihat melalui masalah *kedutan* (denyutan) yang dialami pada bahagian badan. Badan yang mengalami *kedutan* (denyutan) boleh dikelaskan kepada empat bahagian iaitu kepala, muka dan leher, badan, tangan dan kaki seperti yang terdapat dalam Rajah 1. Pembahagian ini diberikan berdasarkan transliterasi dan terjemahan kitab *Mujarrobat* yang digambarkan dalam Jadual 1. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan dalam penerangan makna berbanding dengan maklumat yang dinyatakan dalam jadual transliterasi. Hal ini terjadi kerana dalam *Mujarrobat* asal semua bahagian *kedutan* (denyutan) dicampur aduk, tetapi dalam tulisan ini pembahagian setiap *kedutan* (denyutan) itu di kelaskan mengikut bahagian yang terdapat dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Bahagian Anggota Tubuh yang Mengalami *Kedutan* (Denyutan)

JADUAL 1. Transliterasi dan Terjemahan *Kedutan* (Denyutan) dalam *Mujarrobat*

Transliterasi Pegon ke Bahasa Jawa	Terjemahan Bahasa Melayu
Hlm. /54/ <i>Punika masalah kang mertelaaken kedutan Lamun kedutan awake kabeh alamat arep ningali marang wong. Lamun kedutan sirahe kabeh alamat olih arta lan kinasihan dening wong. Lamun kedutan bun-bunane alamat dadi mentri. Lamun kedutan betuke tengen alamat olih arta halal, lamun kiwa alamat olih kebagusan saing sanak pawongan lan suka. Lamun kedutan alise tengen alamat arep ingali kasihe. Lamun keduten telapuke mata tengen alamat olih arta halal lamun kedute alis kiwa alamat ningali kasihe lamun keduten telapuke mata kiwa alamat</i>	Hlm. /54/ Inilah bab yang menjelaskan erti <i>kedutan</i> (denyutan) Jika <i>kedutan</i> (denyutan) semua badannya pertanda akan melihat seseorang. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) seluruh kepala pertanda akan medapat harta dan kasih sayang dari seseorang. jika <i>kedutan</i> (denyutan) ubun-ubunnya alamat akan menjadi menteri. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) kanan petanda mendapat harta halal. Jika sebelah kiri petanda mendapat kebaikan daripada keluarga dan kerabat serta mendapat kebahagiaan. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) alis kanan pertanda akan melihat kekasih. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) pelupuk mata kanan alamat mendapatkan harta halal. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) alis kiri petanda melihat kekasih. Jika pelupuk mata kiri petanda
Hlm. /55/ <i>arep ketemu wong tuane saking kadohan. Lamun keduten tedah eluh kang tengen</i>	Hlm. /55/ akan bertemu orang tuanya yang jauh. Jika <i>kedutan</i> (denyutan) ujung mata kanan

alamat arep nangis. Lamun keduten tedah eluh kang kiwa alamat priatin. Lamun keduten pepadoni mata kiwa alamat arep lara. Lamunpadoni mata tengen alamat suka Lamun keduten kuping tengen alamat oih arta becik, lamun kiwa alamat sanak adoh arep teka. Lamun keduten aling-alinge kuping tengen alamat arep oih arta lamun kiwa arep den temoni dening wong. Lamun keduten pilingan tengen alamat bendu lan kelangan, lamun keduten pilingan kiwa alamat lara. Lamun pipi tengen alamat nemu pagawe, lamun pipi kiwa alamat lara. Lamun keduten lambung tengen alamat suwala, lamun lambung kiwa alamat celatuk ala. Lamun keduten janggute tengen alamat arep den mulyaaken wong tua utawa nemu arta, lamun janggute kiwa alat lih pagawe saking ratu.

Lamun keduten tenggorokan tengen alamat susah, sekedare. Lamun keduten gulune tengen alamat lara saking pancabaya, lamun kiwa alamat suka utawa lumaku adoh. Lamun keduten cengkalane alamat kelangan sekedare, lamun kiwa alamat arep ana warta saking adoh. Lamun keduten pundake tengen alamat suwala, lamun kiwa alamat den mumule dening wong. Lamun keduten welikat tengen alamat suka, lamun kiwa alamat den mulyaaken dening wong. Lamun keduten weteng tengen

Hlm. /56/

alamat oih rizki, lamun kiwa alamat oih kebagusan. Lamun keduten lengen tengen alamat temu kasihe. Lamun keduten sikut tengen alama arep muring-muring, lamun sikut kiwa alamat teka kasihe. Lamun keduten epek-epek tengen alamat oih harta, lamun kiwa alamat oih sarma saking wong. Lamun keduten geger tengen alamat katekanen pengulu, lamun geger kiwa alamat gawe ala. Lamun keduten bokonge tengen alamat arep

petanda akan menangis, jika bahagian kiri alamat akan prihatin. Jika *kedutan* (denyutan) *pepadoni* mata kiri alamat hendak sakit. Jika *padoni* mata kanan alamat suka. Jika *kedutan* (denyutan) telinga kanan petanda mendapat harta baik, jika sebelah kiri akan kedatangan saudara dari jauh. Jika *kedutan* (denyutan) *cuping* telinga kanan akan mendapatkan harta, jika kiri akan ditemui seseorang. Jika *kedutan* (denyutan) *pelipis* kanan petanda sedih dan kehilangan, jika sebelah kiri petanda sakit. Jika *kedutan* (denyutan) *lambung* kanan petanda kecewa, jika kiri pertanda mendapat keburukan. Jika *kedutan* (denyutan) *janggut* kanan petanda akan dimuliakan oleh orang tua, dan mendapatkan harta, jika kiri akan mendapat pekerjaan dari pimpinan.

Jika *kedutan* (denyutan) *tenggorokan* kanan alamat susah. Jika *kedutan* (denyutan) leher kanan petanda sakit, jika kiri petanda bahagia atau akan menempuh perjalanan jauh. Jika *kedutan* (denyutan) ketiak sebelah kanan petanda akan kehilangan, jika kiri akan mendapat kabar dari jauh. Jika *kedutan* (denyutan) *bahu* kanan petanda kecewa, jika kiri akan dimuliakan. Jika *kedutan* (denyutan) *belikat* kanan petanda bahagia, jika kiri pertanda akan dimuliakan. Jika *kedutan* (denyutan) *perut* kanan

Hlm. /56/

petanda mendapatkan rizki, jika kiri mendapatkan kebaikan. Jika *kedutan* (denyutan) *lengan* kanan pertanda akan bertemu kekasih. Jika *kedutan* (denyutan) *siku* kanan petanda akan marah, jika kiri petanda kedatangan kekasih. Jika *kedutan* (denyutan) *telapak tangan* kanan pertanda mendapatkan harta, jika kiri mendapatkan karma dari seseorang. Jika *kedutan* (denyutan) *punggung* kanan akan kedatangan

ketekan sanak, lamun bokong kiwa alamat arep rabi. Lamun kedutен pupu tengen alamat olih arta. Lamun kedutен tungkak kiwa alamat olih arta. Lamun kedutен dlamekan tengen alamat priatin. Lamun kedutен dlamekan kiwa alamat arep lelungan. Wallāhu a"lam.

penghulu, jika kiri pertanda akan berbuat buruk. Jika *kedutan* (denyutan) bokong kanan pertanda akan kedatangan saudara, jika kiri akan menikah. *kedutan* (denyutan) paha kanan pertanda akan mendapatkan harta. Jika *kedutan* (denyutan) tungkai kiri alamat mendapatkan harta. Jika *kedutan* (denyutan) telapak kaki kanan pertanda prihatin, jika kiri pertanda akan berpergian. *Wallāhu a"lam.*

Bahagian pertama yang menjelaskan tentang *kedutan* (denyutan) ialah bahagian kepala, muka dan leher. Bahagian ini termasuklah kepala, ubun-ubun, dahi, keping, pelupuk mata, kelopak mata, telinga, pelipis, pipi, lambung, janggut, tenggorok dan leher. Pernyataan berkenaan alamat *kedutan* (denyutan) pada bahagian kepala, muka dan badan dinyatakan dalam halaman 54 hingga 55. Berikut adalah maksud atau alamat bagi *kedutan* (denyutan) di bahagian kepala, muka dan leher.

Ini masalah yang menyatakan tentang *kedutan* (denyutan).

- Jika ada *kedutan* (denyutan) di seluruh kepala alamat mendapat harta dan dikasih orang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di ubun-ubun alamat jadi manteri.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di dahi kanan alamat mendapat harta halal.
- Jika di dahi kiri alamat mendapat kebaikan dan kesukaan daripada rakan taulan dan sahabat handai.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di keping kanan alamat hendak melihat kekasihnya.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di pelupuk mata kanan alamat mendapat harta halal.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di keping kiri alamat hendak melihat kekasihnya.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di kelopak mata kiri alamat hendak berjumpa orang tuannya yang jauh.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di hujung mata kanan alamat hendak menangis.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di hujung mata kiri alamat prihatin.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di *pepadone* mata kiri alamat hendak sakit.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di *padone* mata kanan alamat suka.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di telinga kanan alamat mendapat harta baik.
- Jika telinga kiri alamat saudara jauh akan datang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di *cuping* telinga kanan alamat mendapat harta.
- Jika telinga kiri alamat disindir orang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di pelipis kiri alamat kehilangan harta.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di pipi kiri alamat sakit dari rantauan.
- Jika pipi kanan alamat bertemu pekerjaan.
- Jika perut kiri alamat hendak bercakap buruk.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di janggut kanan alamat dimuliakan orang tua atau berjumpa harta.
- Jika janggut kiri alamat hendak mendapat pekerjaan daripada raja.

- Jika ada *kedutan* (denyutan) di tenggorok kanan alamat mendapat kesusahan.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di leher kanan alamat sakit dari marabahaya.
- Jika kiri alamat hendak bersuka-sukaan atau berjalan jauh.

Seterusnya, *kedutan* (denyutan) di bahagian badan pula meliputi seluruh badan, bahagian belikat, perut dan bahagian belakang badan. Alamat bagi *kedutan* (denyutan) pada bahagian ini dinyatakan dalam halaman 55 hingga 56. Berikut adalah alamat *kedutan* (denyutan) pada bahagian anggota badan.

- Jika ada *kedutan* (denyutan) di seluruh badan alamat hendak melihat orang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di belikat kanan alamat suka.
- Jika kiri alamat dimuliakan oleh orang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di perut kanan alamat mendapat rezeki.
- Jika kiri alamat mendapat kebaikan.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di pinggang kanan alamat kedatangan penghulu.
- Jika pinggang kiri alamat akan berbuat jelek.

Selanjutnya, *kedutan* (denyutan) di bahagian tangan bermula pada bahagian ketiak, bahu, lengan, siku dan telapak tangan (dinyatakan dalam halaman 56). Berikut dinyatakan alamat *kedutan* (denyutan) pada bahagian anggota tangan.

- Jika ada *kedutan* (denyutan) di bahu kanan alamat berbantahan.
- Jika kiri alamat dikenang atau dicintai orang.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di lengan kanan alamat bertemu kekasihnya
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di siku kanan alamat hendak marah-marah.
- Jika siku kiri alamat datang kasihnya.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di telapak tangan kanan alamat mendapat harta.
- Jika di telapak tangan kiri alamat mendapat harta daripada orang
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di ketiak kanan alamat akan kehilangan.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di ketiak kiri alamat ada berita dari jauh.

Bahagian terakhir ialah kaki yang menjelaskan tentang makna *kedutan* (denyutan) pada bahagian punggung, paha, tungka dan telapak kaki (dinyatakan dalam halaman 56). Berikut adalah alamat *kedutan* (denyutan) pada bahagian anggota kaki.

- Jika ada *kedutan* (denyutan) di punggung kanan alamat akan kedatangan saudara.
- Jika punggung kiri alamat hendak kahwin.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di paha kanan alamat mendapat harta.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di tungkai kiri alamat mendapat harta.
- Jika ada *kedutan* (denyutan) di telapak kaki kanan alamat prihatin.
- Jika *kedutan* (denyutan) di tapak kaki kiri alamat berpergian jauh. Wallahu alam.

Jika diteliti, kebanyakan makna *kedutan* (denyutan) pada setiap bahagian kepala, muka dan leher, badan, kaki dan tangan memberi alamat atau petanda yang baik-baik dan hanya

sedikit sahaja yang membawa alamat kurang baik. Lumrahnya jika *kedutan* (denyutan) itu membawa makna kurang baik seperti sakit, hendak menangis, kehilangan harta, mendapat kesusahan, berbuat jelek dan kehilangan apa sahaja, orang Jawa akan berusaha mengelaknya dengan cara berdoa kepada Allah dan melakukan sedekah supaya kejadian kurang baik tidak akan berlaku (Kamisah Tamjis 2017). Selalunya mereka akan membuat bubur merah putih sebagai hidangan yang paling mudah dan disedekah kepada jiran-jiran dengan niat segala perkara buruk dapat dielakkan. Setiap *kedutan* (denyutan) yang terjadi melambangkan komunikasi yang berlaku antara manusia dengan tubuh badannya sendiri. Komunikasi sedemikian bukan melibatkan dua orang makhluk bernyawa tetapi komunikasi secara halus yang hanya difahami oleh masyarakat Jawa yang mengetahui tentang ilmu firasat.

KESIMPULAN

Secara sedar atau tidak, hampir setiap orang pernah mengalami *kedutan* (denyutan) tetapi dengan kekerapan yang berbeza. Sensasi yang dirasakan secara tiba-tiba otot di bahagian badan yang tertentu seperti menegang atau ditarik. Lumrahnya *kedutan* (denyutan) sering terjadi pada bahagian kelopak mata, mulut dan ibu jari. *Kedutan* (denyutan) atau dikenali dengan istilah *twitching* biasanya akan hilang sendiri. Namun, dalam konteks kitab *Mujarrobat*, *kedutan* (denyutan) yang berlaku menjadi suatu bentuk kepercayaan yang menunjukkan alamat atau petanda sesuatu peristiwa yang bakal berlaku sama ada peristiwa yang baik atau yang buruk. Setiap alamat yang dinyatakan melalui *kedutan* (denyutan) menunjukkan suatu bentuk komunikasi bukan lisan yang hanya difahami secara bahasa isyarat. Sekiranya alamat daripada *kedutan* (denyutan) bakal mengundang petanda yang kurang baik, masyarakat Jawa cuba berusaha mengelaknya. Seperti yang telah dijelaskan dalam perbincangan di atas, segala kemungkinan yang bakal berlaku akan diterima oleh masyarakat Jawa dengan penuh sabar, pasrah, menerima (*nrima*) dan rela (*rila*).

RUJUKAN

- Almanak. t.th. Muat turun 20 April 2017, dari <https://ms.wikipedia.org/wiki/Almanak>
- Ahmad Misra Tamjis. 2017. Alamat *Kedutan* (Denyutan). Temu bual, 25 Mac.
- Atikah Abdul Azam, Nur Yuhanis Md Nasir & Othman Mat Yatim. 2014. Ilmu Melayu dalam *Kitab Pelbagai Catatan: Aspek Firasat*. Dalam Mohd Kipli Abdul Rahman, Tarmiji Masron & Mardiana Idayu Ahmad. *Merekayasa Kearifan Tempatan: Citra Seni dalam Teknologi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos. 2013. Bomoh Nombor Ekor: Satu Kajian Kes di Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Melayu*, 11:110-122.
- Ding Choo Ming, Henri Chambert-Loir & Titik Pudjiastuti. 2014. *Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Manuskrip Lama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Daud. 2009. *Kitab Ilmu Nujum Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Harun Mat Piah. 2015. Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-Naskhah Lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(3) :3-17.

- Hashim Awang & Hashim Ismail. 2016. Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam *Sulalat al-Salatin*. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Budaya*, 23:1-20.
- Kamisah Tamjis. 2017. Alamat *Kedutan* (Denyutan). Temu bual, 18 Mac.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. t.th. Kompendium. Muat turun 20 April 2017, dari <http://kbbi.web.id/kompendium>
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2): 48-57. *Mujarrobah*. t.th.
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2016. Padi Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(1):26-49.
- Noriah Mohamed & Yusmilayati Yunos. 2009. Ilmu dan *Ngelmu* sebagai Satu Cara Mencari Pengetahuan. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilization*, 27(2):73-86.
- Rahman Shaari. 2001. *Kamus Kata Klasik Panduan Kajian Prosa dan Puisi Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rogayah A. Hamid. 2005. *Kepustakaan Ilmu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roger Tol. 201). Tunjukkan Hidungmu: Ilmu Firasat Bugis dan Tradisi Primbom. Dalam Ding Choo Ming, Henri Chambert-Loir & Titik Pudjiastuti. *Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Manuskip Lama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umi Ibroh. 2017. Fungsi Teks *Mujarrobah* dalam Masyarakat Desa Pasarean. Skripsi Program Sarjana I, Universitas Diponegoro, Semarang Indonesia.
- Yusmilayati Yunos. 2011. *Mujarrobah Jawa Melayu: Satu Perbandingan Teks*. Disertasi Doktor Falsafah. Bahan Tidak Terbit. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusmilayati Yunos. 2015. Petua dan Tanda Sebagai Alat Komunikasi dalam Budaya Masyarakat Jawa. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2): 279-298.

Biodata Penulis:

Yusmilayati Yunos

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah kajian manuskrip tib Melayu dan Jawa.

Muammar Ghaddafi Hanafiah

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah pemikiran dan falsafah Melayu Islam.

Mohd Norizam Jamian

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau lulusan Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah Kesusastraan Tradisional Melayu.

Zubir Idris

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah Kesusastraan Tradisional Melayu khususnya syair dan kajian masnuskrip Melayu.